

Ruj. Kami : (8.00) (01.00) 96 / 1-3 (65)
Tarikh : 20 Januari 1997

Semua Ketua Jabatan Persekutuan, Sabah

Pengarah Kerja Raya Sabah

Y.Bhg. Dato'/Datuk/Tuan/Puan,

**SURAT PEKELILING PERBENDAHARAAN MALAYSIA (SABAH)
BILANGAN 3 TAHUN 1997**

TINDAKAN SUSULAN SETELAH DISYORKAN TINDAKAN SURCAJ

Adalah saya dengan hormatnya menarik perhatian Y.Bhg. Dato'/ Datuk/Tuan/Puan kepada perkara yang tersebut diatas dan memaklumkan bahawa kuasa undang-undang untuk mengenakan surcaj terhadap mana-mana pegawai awam adalah berdasarkan Seksyen 18 Akta Prosedur Kewangan 1957 (Akta 61).

2. Mengikut peruntukan Seksyen 18, suruhanjaya yang berkenaan, setelah berunding dengan Pihak berkuasa Kewangan, boleh mengenakan surcaj terhadap seseorang yang telah atau sedang berkhidmat di dalam Perkhidmatan Awam jika didapati bertanggungjawab terhadap mana-mana perkara berikut:-

- a. gagal untuk memungut hasil kerajaan;
- b. melakukan pembayaran salah atau pembayaran yang tidak boleh disokong;
- c. bertanggungjawab terhadap apa-apa kekurangan atau kemusnahan wang, setem, sekuriti, barang-barang dan lain-lain harta kerajaan;
- d. gagal untuk menyelenggara akaun dan lain-lain rekod dengan teratur; dan
- e. gagal atau lewat dalam membuat bayaran kepada pihak yang sah menerimanya

3. Pejabat ini telah mengeluarkan beberapa syor untuk dikenakan tindakan surcaj keatas pegawai-pegawai yang berkaitan dan didapati ada Jabatan-Jabatan yang tidak mengambil sebarang tindakan keatas syor surcaj yang harus dikenakan itu. Pejabat ini dapati ada baberapa orang Ketua Jabatan yang tidak mengambil berat keatas syor-syor tindakan surcaj yang telah dibuat itu.

4. Adalah menjadi tanggungjawab Ketua-ketua Jabatan untuk mengambil tindakan terhadap syor surcaj oleh Pihak berkuasa Kewangan mengikut Akta Prosedur Kewangan 1957 (Akta 61). Pejabat ini berharap Ketua-Ketua Jabatan akan mengambil berat keatas syor-syor tindakan surcaj yang telah diputuskan oleh Perbendaharaan Malaysia (Sabah).

5. Diatas perhatian Y.Bhg. Dato'/Datuk/Tuan/Puan kepada perkara ini diucapkan terima kasih.

Sekian.

" BERKHIDMAT UNTUK NEGARA "

Saya yang menurut perintah,

T.T

(ABDUL AZIZ BIN MOHD. ALI)

Pegawai Kewangan Persekutuan, Sabah.